

SKIM TAKAFUL KESIHATAN BERKELOMPOK

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 24 Jun 2011 11:16

Kepada: UUM - All Staff

Lampiran-lampiran:  Lampiran (Jadual Manfaat).doc (80 KB) [Buka sebagai Halaman Web]

24 JUN 2011/22 REJAB 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: LANJUTAN daripada e-mel Jabatan Pendaftar pada 21 Jun 2011 berkaitan Skim Takaful Kesihatan Berkelompok untuk staf UUM, Jabatan Bendahari ingin memberi maklumat lanjut berkaitan kemudahan yang ditawarkan oleh Skim yang dicadangkan ini. Maklumat berkenaan adalah seperti berikut:

Skim Perlindungan Takaful Pembedahan dan Hospital telah diperkenalkan semula oleh universiti setelah ditamatkan atas dasar tidak mencapai tahap penyertaan minimum pada 2006. Skim ini adalah bermatlamat untuk menyediakan pembiayaan bagi semua staf universiti untuk mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan mampu.

Skim ini telah disediakan berdasarkan keperluan-keperluan berikut :-

- 1) Menyediakan perlindungan untuk semua staf termasuk yang telah mempunyai penyakit sedia ada. Ini adalah kerana mereka yang mempunyai penyakit sedia ada (*pre-existing illness*) tidak akan dapat memperoleh perlindungan insurans di mana-mana dan perlu menanggung kos perubatan yang tinggi sendiri. Skim insurans biasa tidak melindungi penyakit sedia ada sekurang-kurangnya untuk setahun atau untuk selama-lamanya.
- 2) Memastikan staf tidak perlu menunggu jangka masa tertentu untuk membuat tuntutan. Skim insurans biasa mempunyai jangka masa menunggu untuk penyakit biasa selama 30 hari dan untuk penyakit kronik (yang dinyatakan di dalam polisi) selama 120 hari.
- 3) Memastikan staf tidak terbeban dengan bayaran yang tinggi ketika mendaftar masuk dan keluar dari hospital.
- 4) Cuba mendapatkan perlindungan untuk tanggungan Orang Kelainan Upaya (OKU) disebabkan tiada perlindungan langsung ditawarkan oleh pihak insurans luar kerana dianggap sebagai penyakit sedia ada. Ini bermakna jika OKU cuba mendapatkan rawatan bagi penyakit selain disebabkan oleh keadaan ketidakupayaannya itu, ianya tidak akan dilindungi oleh polisi.

Maka atas keperluan-keperluan di atas, skim yang dirangka perlulah mempunyai pertimbangan-pertimbangan berikut :-

- 1) Melindungi penyakit sedia ada untuk staf dan kalau boleh, melindungi penyakit sedia ada bagi tanggungan (berdasarkan kepada rundingan lanjutan).
- 2) Jangka masa menunggu untuk semua jenis tuntutan dikurangkan atau ditiadakan.
- 3) Menggunakan kemudahan kad perubatan (*medical card*) untuk mengurangkan kesulitan ketika pendaftaran dan keluar hospital.
- 4) Menyediakan perlindungan untuk tanggungan OKU selama mana staf berkhidmat dengan universiti (mengikut keadaan ketidakupayaan atau definisi OKU tersebut).

Setelah pertimbangan-pertimbangan itu dikenalpasti, satu pelan takaful kesihatan telah dirangka dan dihalusi oleh Lembaga Pengarah Universiti. Satu proses tender terbuka telah dibuat dengan menjemput semua syarikat takaful untuk menyertainya. Sebanyak 10 pembekal telah menyertainya. Ia kemudiannya telah dibawa dan diputuskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Universiti (Jawatankuasa Tender).

Jadual Manfaat Skim adalah seperti di Lampiran.